

MENINGKATKAN KECEKAPAN PERATURAN KE ARAH PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG KONDUSIF – MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Latar Belakang & Justifikasi

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengiktiraf peranan penjaja kecil yang menyumbang kepada ekonomi tempatan dan pembentukan identiti budaya bandar. Namun, terdapat beberapa cabaran utama yang mereka hadapi iaitu penjajaan tanpa lesen yang tidak terkawal, kesesakan lalu lintas dan pejalan kaki, isu kebersihan dan pengurusan sisa, serta infrastruktur dan peraturan yang tidak konsisten.

Situasi ini memberi kesan langsung terhadap produktiviti dan kecekapan sistem peraturan yang dilaksanakan. Maka, adalah penting untuk merangka satu pelan yang komprehensif dan strategik dalam penyusunan semula sektor penjajaan kecil di bawah naungan MPS.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing, telah bekerjasama membantu dalam pelaksanaan inisiatif ini melalui:

- i. Penyusunan Semula Proses dan Struktur Pelaksanaan yang Berorientasikan Hasil
- ii. Pemetaan Pemegang Taruh Secara Sistematis
- iii. Pemantauan Berasaskan Petunjuk *Outcome* dan Impak
- iv. Pembangunan Pelan Tindakan Pelaksanaan Secara Berfasa

Keseluruhan inisiatif ini bukan sahaja akan mempertingkatkan produktiviti sektor penjaja kecil, malah akan mewujudkan sistem kecekapan peraturan yang lebih responsif, seterusnya melonjakkan daya saing MPS sebagai bandaraya pintar berimpak tinggi menjelang 2030.

Tujuan *(Jangkaan OUTCOME setelah projek siap):

1. Pelan Strategik Pengurusan Penjaja Kecil MPS yang komprehensif merangkumi semakan peraturan - peraturan yang membebaskan, kompleks, berlebihan atau peraturan berulang.
2. Peningkatan pengetahuan dan amalan baik bagi menyokong pembaharuan kawal selia bagi meningkatkan produktiviti, daya saing dan ekonomi daerah Selayang.
3. Pembangunan kapasiti dalaman MPS melalui teknologi seperti *Artificial Intelligence* (AI) dan analisis data yang lebih cekap.

Kaedah Pelaksanaan

Sesi libat urus bersama pengawalselia dan pihak berkepentingan bagi mengenalpasti prosedur, masa dan kos yang terlibat. Ianya melibatkan sesi penganjuran bengkel, mesyuarat, seminar dan sesi bimbingan.

Syor

Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan cadangan menjalankan projek “Meningkatkan Kecekapan Peraturan Ke Arah Persekitaran Perniagaan Yang Kondusif – Majlis Perbandaran Selayang” dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM89,900 menggunakan Peruntukan FORE dan OE.

ANGGARAN KOS

PERKARA	PENERANGAN	KATEGORI	NILAI (RM)
BAJET: PEMBANGUNAN (FORE)			
Pakej Mesyuarat <i>Full Day</i>	RM200 X 2 Sesi X 30 Orang	P29401 - Bengkel, Seminar Dan Mesyuarat (Makan Dan Minum Tanpa Penginapan) - Bukan Kakitangan	12,000.00
Pakej Mesyuarat <i>Half Day</i>	RM180 X 2 Sesi X 30 Orang	P29401 - Bengkel, Seminar Dan Mesyuarat (Makan Dan Minum Tanpa Penginapan) - Bukan Kakitangan	10,800.00
Pakej Residensi	RM500 X 2 Sesi X 20 Orang	P29407 - Pakej Residensi (Makan, Minum Termasuk Penginapan)	20,000.00
Pakej Makan dan Minum Mesyuarat	RM33 X 10 Sesi X 30 Orang	P29408 - Makan Dan Minum Mesyuarat Dalam	9,900
Pakar Rujuk	RM400 X 12 Sesi X 4 Jam	P29105 - Perkhidmatan Pakar Runding Dalam Negara - Fasilitator , Coordinator, Moderator, Speaker, Perunding	19,200.00
Fasilitator/Penceramah	RM2,000 X 4 Sesi X 1 Orang	P29105 - Perkhidmatan Pakar Runding Dalam Negara - Fasilitator , Coordinator, Moderator, Speaker, Perunding	8,000.00
BAJET: OPERASI (DGO/KP)			
Tuntutan Pegawai (Perjalanan)		P21101 - Tambang Perjalanan - Kakitangan Dalam Negeri Sahaja	5,000.00
Tuntutan Pegawai (Makan/Minum/Hotel/Lojing)		P21102 – Hotel, Lojing dan Elaun Makan – Kakitangan Dalam Negeri Sahaja	5,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			89,900.00

Tempoh Pelaksanaan Pelan Tindakan (3 Bulan)

Pembangunan Pelan Strategik Pengurusan Penjaja Kecil Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 2026 – 2030

Fasa	Minggu (Tempoh)	Aktiviti Utama	Output Bertulis/Artefak	PIC Utama*
1. Penetapan Skop & Pasukan	1 (5 hari)	• Mesyuarat permulaan projek • Sahkan terma rujukan, jadual & KPI	• Kertas Terma Rujukan (TOR) • Jadual projek terperinci	Ketua Sekretariat Penjaja MPS
2. Pengumpulan Data & Diagnostik	2 – 3 (10 hari)	• Audit lesen & profil penjaja (lapangan + sistem e-Lesen) • Kaji selidik pelanggan & penjaja (n ≥ 300) • Pengesahan data kesihatan makanan (MOH)	• Laporan Diagnostik Situasi • Databank statistik terkini	Unit Penjaja & Pasar, disokong Bah. ICT & MOH Gombak
3. Kajian Penanda Aras & Gap Analysis	4 (5 hari)	• Analisis amalan terbaik (Singapura, Hong Kong, India, NYC) • Sesi pakar rujuk (round-table)	• Kertas “Benchmarking & Jurang”	Panel Pakar/Perunding Luar
4. Formulasi Visi, Misi, Objektif & KPI	5 (5 hari)	• Bengkel dalaman (design thinking) dengan pengurusan & penjaja terpilih	• Draf Visi-Misi-KPI dipersetujui	Bah. Perancangan Korporat MPS
5. Rangka Strategi & Inisiatif Teras	6 – 7 (10 hari)	• Susun enam strategi (digital, zonasi, kapasiti, kebersihan, hijau, tadbir urus) • Tetapkan program pengiktirafan kebersihan	• Matriks Strategi-Tindakan-KPI	Taskforce Strategi (lintas-jabatan)

Fasa	Minggu (Tempoh)	Aktiviti Utama	Output Bertulis/Artefak	PIC Utama*
6. Penyediaan Draf 1 Pelan Strategik	8 (5 hari)	• Gabung seluruh kandungan bab 1-8 + lampiran awal	• Draf 1 lengkap (≈ 100 hlm)	Perunding Luar + Sekretariat
7. Semakan Dalaman & Libat Urus Pihak Berkepentingan	9 – 10 (10 hari)	• Edar Draf 1 kepada MOH, KPDN, PBT jiran, NGO, persatuan penjaja • Sesi town-hall & kutip maklum balas	• Laporan Respons Libat Urus	Ketua Sekretariat + Unit Komunikasi Korporat
8. Penyediaan Draf 2 & Ujian Kebolehlaksanaan	11 (5 hari)	• Kemas kini mengikut maklum balas • Uji model kewangan & sumber	• Draf 2 disahkan Jawatankuasa Induk	Bah. Kewangan + Sekretariat
9. Kelulusan Akhir & Penyediaan Dokumen Standard	12 (5 hari)	• Pembentangan kepada Mesyuarat Penuh MPS • Dapat surat sokongan YDP	• Pelan Strategik muktamad PDF & bercetak • Ringkasan Eksekutif dwibahasa	YDP MPS & Setiausaha Majlis
10. Pelan Komunikasi & Pelancaran	12 (selari)	• Rancangan pelancaran media sosial & sidang akhbar • Rekaan infografik & poster penjaja		